
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2008/2009

April/Mei 2009

YKT I03 – Komunikasi Dan Masyarakat

Masa: 3 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan.

Setiap soalan bernilai 100 markah.

1. Terdapat dua pandangan yang berbeza tentang peranan media di dalam proses dan penglibatan demokrasi. Satu pihak menyatakan media massa memainkan peranan sebagai pemberi informasi, *watchdog*, estet keempat dan penentu agenda. Sementara di sebelah yang lain pula mengatakan bahawa media adalah satu ideologi yang mempromosikan kepentingan-kepentingan sesetengah kumpulan, khususnya kumpulan dominan. Bincangkan dan bandingkan kedua-dua pandangan ini.
2. Kajian tentang jantina dalam media massa menunjukkan wanita masih dipaparkan berdasarkan stereotaip budaya. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan (a) kaitan di antara perwakilan dan pembentukan stereotaip (b) apakah jenis pemaparan stereotaip peranan wanita dan (c) mengapa stereotaip ini masih berlaku dalam media.
3. Bincangkan teori-teori kesan keganasan media dan kelemahannya. Sejauh manakah media menyumbang kepada perilaku keganasan di kalangan kanak-kanak dan remaja.
4. Pada tahun 1990an terdapat beberapa tokoh yang begitu optimistik terhadap kesan sosial media baru sebagaimana yang dipopularkan oleh Internet. Negroponte (1995) menghujahkan bahawa globalisasi, standardisasi budaya dan penguasaan pengguna mewakili kemungkinan-kemungkinan baru yang meningkatkan kebebasan individu dan keharmonian sosial secara global. Bahaskan pandangan tersebut.
5. Mengikut bacaan, kesan jenayah siber terhadap ekonomi dan keselamatan belum lagi dapat diselesaikan sepenuhnya. Mengapakah perkara ini berlaku? Bagaimanakah cara menyelesaikannya? Kemukakan hujah-hujah anda berpandukan fakta-fakta yang berkaitan.